

Pendekatan tegas, toleransi terhadap penghina Islam berbeza ikut situasi



Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM

Oleh Dr Mohammad Nidzam Abdul Kadir

Ketenangan umat Islam menyambut Ramadan terganggu seketika dengan terdetus isu penjualan stoking tertera kalimah Allah, satu bentuk penghinaan nyata terhadap agama Islam.

Menyelami kontroversi ini, soal penghinaan orang kafir terhadap Islam bukan masalah baharu, bahkan turut pernah terjadi dalam sejarah Islam. Apa yang menjadi persoalan apakah tindak balas umat Islam apabila agama mereka dihina.

Dalam lipatan sirah, sekurang-kurangnya terdapat dua bentuk bagaimana berinteraksi terhadap isu penghinaan agama Islam.

Al-Quran menyatakan: *"Katakan (wahai Muhammad) terhadap orang beriman supaya memaafkan insan yang tidak berharap dengan hari-hari Allah..."*. (Surah al-Jathiah, ayat 14).

Sekurang-kurangnya terdapat dua cerita di sebalik ayat ini. Cerita pertama berkait dengan nas al-Quran, Surah al-Baqarah ayat 245 menyatakan: *"Sesiapa memberi pinjaman kepada Allah, maka Allah akan melipatgandakan..."*.

Nas al-Quran ini berbicara mengenai kebaikan dilakukan pada jalan Allah. Namun nas al-Quran ini difahami secara zahir oleh seorang Yahudi lalu Yahudi ini berkata Tuhan Muhammad adalah fakir miskin kerana mendakwa Tuhan Muhammad hendak berhutang.

Perkataan ini adalah satu bentuk penghinaan terhadap Allah. Mendengar kata penghinaan ini, dikatakan Saidina Abu Bakar al-Siddiq segera menghunus pedangnya untuk bertindak terhadap Yahudi ini.

Namun nas al-Quran surah al-Jathiah diwahyukan supaya kemaafan diberikan. Begitu juga dalam satu peristiwa, 'Abdullah ibn Ubay berkata Nabi Muhammad SAW adalah anjing. Perkataan ini didapati dalam ungkapan lafaz beliau: "Gemukkan anjing kamu nescaya anjing itu akan menggigit kamu".

Perkataan ini merujuk kepada Nabi Muhammad SAW kerana Baginda datang dari Makkah ke Madinah. Akhirnya Nabi Muhammad SAW menjadi tumpuan utama umat sehingga tenggelam kekuatan 'Abdullah ibn Ubay.

'Abdullah ibn Ubay marah lalu menghamburkan kata hina terhadap Nabi SAW. Mendengar ucapan ini, Umar al-Khattab segera menghunus pedang untuk bertindak terhadap Abdullah ini. Namun nas al-Quran diwahyukan supaya kemaafan diberikan.

Dalam satu peristiwa lain, seorang insan bernama Abu Mahzurah mencera azan. Abu Mahzurah adalah orang Makkah. Peristiwa penghinaan terhadap azan berlaku di Madinah ketika Nabi SAW berkuasa.

Mendengar ucapan menghina azan, Nabi SAW menemui Abu Mahzurah dan bertanya khabar serta berbual dengannya. Akhirnya Nabi SAW meletakkan tangannya ke atas dada Abu Mahzurah serta berdoa. Akhirnya Abu Mahzurah menerima Islam.

Dalam peristiwa pengusiran

kaum Yahudi Bani Nadhir dari Madinah, Nabi SAW mengambil tindakan tegas dan keras. Ini kerana tindakan Yahudi Bani Nadhir melanggar perjanjian dimeterai dengan Nabi SAW dalam Piagam Madinah.

Yahudi Bani Nadhir berkomploit dengan musyrikin Makkah untuk menyerang umat Islam di Madinah. Sebagai tindak balas, Yahudi Bani Nadhir diusir dari Madinah.

Berdasarkan dua tindakan ini, kita perlu bertindak dengan hikmah. Ada tindakan bertoleransi jika tindakan menghina agama tidak memudaratkan agama dan umat.

Namun jika tindakan itu membahayakan agama atau membahayakan umat maka tindakan tegas perlu diambil. Pada masa sama, matlamat untuk menyampaikan dan menyebarkan Islam tetap menjadi tujuan utama.

Wujudkan perpaduan

Menerusi kemaafan, ia menggambarkan sikap dalam Islam begitu toleransi. Apatah lagi perbuatan menghina itu dilakukan secara tidak sengaja. Namun jika tindakan itu mempunyai mudarat besar seperti khianat terhadap perjanjian, maka tindakan tegas dan keras mesti dilakukan.

Dalam negara, undang-undang mesti diwujudkan terhadap penghinaan mana-mana agama. Perbuatan menghina mesti disiasat sama ada ia sengaja, tidak sengaja, fitnah, sabotaj dan sebagainya. Ini kerana Islam menetapkan keadilan sebagai dasar.

Walaupun kita dapati ada tin-

“**Dalam negara, undang-undang mesti diwujudkan terhadap penghinaan mana-mana agama. Perbuatan menghina mesti disiasat sama ada ia sengaja, tidak sengaja, fitnah, sabotaj dan sebagainya. Ini kerana Islam menetapkan keadilan sebagai dasar**”

dakan toleransi dan tegas dalam lipatan sirah, penghinaan terhadap agama mempunyai kaitan kuat dan kaitan langsung terhadap keharmonian kaum dalam negara dalam suasana hari ini.

Maka kesedaran terhadap keributan isu penghinaan terhadap agama perlu dihayati dengan sebaiknya. Tidak sewajarnya sikap kemaafan dijulang tinggi setiap kali penghinaan terhadap agama berlaku.

Ini kerana tidak semua insan memahami perkara ini. Justeru penghinaan terhadap agama dan 'bunga-bunga' terhadap penghinaan hendaklah dicegah dari awal. Maka perpaduan kaum mesti dan wajib diwujudkan. Langkah aktif ke arah mewujudkan perpaduan antara kaum perlu dilakukan segera.

Dari sudut Islam, laknat menimpa orang yang menghina Allah dan Rasul-Nya. Firman Allah SWT bermaksud: *"Sesungguhnya orang menyakiti Allah dan Rasul-Nya, Allah akan melaknatnya di dunia dan di akhirat, menyediakan baginya siksa yang menghinakan. Dan orang menyakiti orang mukmin dan mukminat tanpa kesalahan mereka buat, sesungguhnya mereka memikul pembohongan dan dosa nyata"*. (Surah al-Ahzab, ayat 57-58)

Namun, umat Islam perlu sedar dan akur agama Islam sangat melarang seseorang mencela agama lain. Hal ini kerana ia akan menimbulkan kemarahan penganutnya dan menyebabkan mereka bertindak balas serta mencela Islam kembali.

Firman Allah SWT bermaksud: *"Dan janganlah kamu memaki dan mencela sembah yang mereka sembah selain Allah, kerana nanti mereka akan membalas dengan cara memaki Allah melampau-lampau pula tanpa ilmu"*.



(Foto hiasan)